



**JABATAN TENAGA KERJA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**ARAHAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA DI BAWAH
SEKSYEN 23 AKTA AGENSI PEKERJAAN SWASTA 1981
[AKTA 246] BIL. 1/2013**

**PEMATUHAN ARAHAN KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
BIL. 1/2012 BERKENAAN LARANGAN MENJALANKAN AKTIVITI
YANG TIDAK DIBENARKAN**

TUJUAN

1. Tujuan Arahan ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berlesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] mengenai tindakan yang perlu diambil bagi mematuhi Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Bil. 1/2012.

LATARBELAKANG

2. Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja di bawah Seksyen 23 Akta 246 Bil. 1/2012 mula berkuatkuasa 1 September 2012.

3. Arahan tersebut dikeluarkan bagi memastikan semua APS yang berlesen di bawah peruntukan Seksyen 7(1) Akta 246 tidak menjalankan aktiviti membekal dan mengurus pekerja (*outsourcing*) atau menjalankan aktiviti sebagai *contractor for labour (CFL)*.

4. Sebagai penjelasan, Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Bil. 1/2012 dikeluarkan kerana entiti yang menjalankan aktiviti membekal dan mengurus pekerja (*outsourcing*) atau menjalankan aktiviti sebagai *contractor for labour (CFL)* adalah dianggap sebagai majikan bagi pekerja-pekerja yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Ini bercanggah dengan aktiviti asas (*core business*) APS iaitu aktiviti merekrut dan menempatkan pekerja. Dalam hal ini, jika sesuatu entiti menjalankan kedua-dua aktiviti tersebut, dikhuatiri ia akan menyebabkan percanggahan kepentingan (*conflict of interest*), tohmahan dan salah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

PELAKSANAAN

5. Bagi mengelakkan kekeliruan, APS tidak boleh memasuki kontrak baru bagi menjalankan aktiviti *outsourcing* atau menjalankan aktiviti CFL mulai dari tarikh Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja Bil. 1/2012 berkuatkuasa.

6. Mana-mana APS yang terlibat dengan aktiviti *outsourcing* atau menjalankan aktiviti CFL hendaklah mengambil tindakan **SEGERA** seperti berikut:

- a) **MEMBATALKAN** semua kontrak berkenaan aktiviti *outsourcing* atau CFL oleh entiti yang memegang lesen APS tersebut atau **MEMINDAHKAN** semua kontrak berkenaan aktiviti *outsourcing* atau CFL kepada entiti baru: **ATAU**
- b) Membuat **PEMBATALAN LESEN APS** sekiranya ingin meneruskan aktiviti *outsourcing* atau menjalankan aktiviti sebagai CFL melalui entiti yang sama **DAN MENUBUHKAN ENTITI YANG BARU** untuk menjalankan aktiviti APS **DAN MEMOHON LESEN APS YANG BARU** di bawah Akta 246

tanpa aktiviti *outsourcing* atau menjalankan aktiviti sebagai CFL.

TEMPOH PERALIHAN

7. Walauapapun peruntukan item 5 dan 6, APS sedia ada diberi kebenaran untuk meneruskan aktiviti *outsourcing* dan menjalankan aktiviti sebagai CFL sehingga **TEMPOH KONTRAK SEDIA ADA YANG TERAKHIR TAMAT.**

8. Setiap APS sedia ada yang terlibat dengan aktiviti *outsourcing* atau menjalankan aktiviti CFL hendaklah melaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja berdekatan berkenaan kontrak *outsourcing* atau CFL yang masih sah dan sedang beroperasi melalui format seperti di **Lampiran A** selewat-lewatnya **31 Januari 2013.**

9. Tempoh peralihan ini hanya sah sehingga **31 OGOS 2013.**

HUKUMAN

10. Ketua Pengarah boleh **MEMBATALKAN LESEN** mana-mana APS yang melanggar Arahan ini.

TARIKH KUATKUASA

11. Arahan ini **BERKUATKUASA SERTA MERTA.**



(MOHD JEFFREY BIN JOAKIM)
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
JABATAN TENAGA KERJA

Tarikh : *04* JANUARI 2013

LAMPIRAN A

**PEMBERITAHUAN AKTIVITI OUTSOURCING/CONTRACTOR FOR LABOUR YANG SEDANG DILAKUKAN
OLEH AGENSI PEKERJAAN SWASTA***

Nama APS :

No Lesen :

Bil	Nama Syarikat (yang mengeluarkan kontrak)	Alamat	No. Tel / emel	Bil. pekerja yang terlibat	Tempoh kontrak	
					Tarikh Mula	Tarikh Tamat

- Lampiran A ini hanya perlu dikemukakan sekali sahaja kepada Pejabat Tenaga Kerja berdekatan selewat-lewatnya 31 Januari 2013.
- (Sila gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangnya tidak mencukupi)